

► LUQMANUL HAKIM ISMAIL
luqhakim@sph.com.sg

Belia contoh teladan suntik semangat perpaduan negara

Cik Ayuni Nur Izyanti Md Zuraimi hanya berusia 15 tahun apabila beliau mula terpicat dengan kerja sukarelawan, selepas menyertai program Nilai-Dalam-Tindakan (VIA) pada 2021.

Pengalaman singkat itu mendorong beliau dan empat rakannya menubuhkan *You(th) Can Do It (YCDI)* pada 2023 – sebuah badan bukan mencari untung yang berperanan sebagai ‘jambatan’ menghubungkan belia dengan peluang kesukarelawan.

Minat dan kemahirannya kian terasah. Sejak bergiat dengan kumpulan sukarelawan lain, beliau memegang peranan utama, menerajui pelbagai inisiatif yang lebih besar.

Beliau mengimbu kembali projek pertamanya sebagai anggota jawatankuasa Kelab Perkhidmatan Masyarakat Politeknik Temasek (TPCSC), ketika hanya seorang peserta mendaftar untuk acara sukan bagi pekerja migran.

Daripada pengalaman itu, beliau bangkit dan kemudian berjaya mengumpul lebih \$62,000 untuk Dana Wang Saku Sekolah The Straits Times (STSPMF) melalui Pameran Lukisan anjuran badan kebajikan, Tad dan Small Art Big Difference, pada 2023.

Kini berusia 20 tahun, Cik Ayuni merupakan antara belia yang diketengahkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Encik Lawrence Wong, sebagai contoh teladan semangat memperbaharui dan memperkukuh Singapura – salah satu tema utama Belanjawan 2026.

Dalam ucapan Belanjawan 2026 pada 12 Februari, Encik Wong memuji semangat penyepaduan dan daya ketahanan rakyat Singapura sebagai kunci mengatasi isu sejagat, termasuk krisis kewangan dan ketidaktentuan geopolitik.

“Ikatan bersama kita kukuh hari ini. Namun, ia tidak tercipta sekelip mata atau secara kebetulan.

“Ia dibina dengan sabar dan berhemah, diwarisi daripada generasi ke generasi.”

Beliau mengajak rakyat Singapura untuk terus membina masyarakat yang mengutamakan kepentingan bersama berbanding kepentingan individu.

“Berlandaskan ikatan bersama, kita mesti terus memupuk semangat perpaduan yang teguh.

“Ia tercermin melalui amalan memberi, ker-



Cik Ayuni Nur Izyanti Md Zuraimi mula menjadi sukarelawan seawal usia 15 tahun, dan sejak itu penglibatannya berkembang daripada komitmen mingguan kepada menerajui pelbagai inisiatif pada skala lebih besar. Gambar diambil ketika beliau melakukan kerja sukarelawan di sebuah rumah anak yatim di Kemboja pada 2025. – Foto ihsan AYUNI NUR IZYANTI MD ZURAIMI

ja sukarela dan sifat ihsan dalam kehidupan harian,” ujar Encik Wong.

Seterusnya, Encik Wong menegaskan betapa pentingnya belia terus memainkan peranan aktif dalam pembinaan negara, sekali gus meneruskan usaha yang telah dirintis generasi terdahulu.

“Sememangnya, Singapura telah melangkah sejauh ini hanya kerana generasi rakyatnya telah tampil ke hadapan.

“Mereka memikul tanggungjawab, menyumbang apa yang mampu dan memainkan peranan masing-masing untuk mencorak masa hadapan kita.

“Semangat yang sama itu masih hidup hari ini, terutamanya dalam kalangan belia kita,”

kongsi Encik Wong.

Beliau turut memuji sumbangan Cik Ayuni, daripada mengajar tuisyen untuk pelajar sekolah rendah daripada keluarga rentan, hingga membantu membersihkan rumah warga emas.

Di samping komitmennya mendidik kanak-kanak melalui TPCSC, Cik Ayuni turut memperkenalkan pembaharuan untuk melengkapi kanak-kanak dengan lebih baik.

Beliau juga membantu mengadakan kegiatan pembelajaran ala *Amazing Race* untuk membantu kanak-kanak belajar melalui wadah yang lebih menarik.

Cik Ayuni berharap kisahnya dapat memberi inspirasi kepada belia lain untuk berani meng-

“Ikatan bersama kita kukuh hari ini. Namun, ia tidak tercipta sekelip mata atau secara kebetulan.

Ia dibina dengan sabar dan berhemah, diwarisi daripada generasi ke generasi.

Berlandaskan ikatan bersama, kita mesti terus memupuk semangat perpaduan yang teguh. Ia tercermin melalui amalan memberi, kerja sukarela dan sifat ihsan dalam kehidupan harian.”

– Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Encik Lawrence Wong.

ambil langkah pertama sebagai sukarelawan.

“Belia tidak semestinya perlu membawa kesan yang besar pada mulanya.

“Saya harap belia seperti saya, yang masih ragu-ragu bagaimana hendak bermula, akan diyakinkan bahawa mereka boleh bermula dari mana sahaja lalu mencari minat masing-masing,” kongsi Cik Ayuni.

Pelajar Perubatan Bioteknologi itu berazam untuk terus berbakti kepada golongan yang memerlukan dalam bidang kerja sosial pada masa depan.

Selain Cik Ayuni, Encik Wong turut mengetengahkan usaha Cik Shantini Subramaniam, 23 tahun.

Menjaga adik lelaki yang dilahirkan dengan



cerebral palsy (keadaan yang menjejaskan kawalan anggota badan) mendorongnya menjadi sukarelawan di Rumah Penjagaan Sree Narayana Mission sejak usia 11 tahun.

Kini sebagai pelajar kejururawatan di Universiti Nasional Singapura (NUS), beliau mengendalikan Projek Caring Hearts – satu inisiatif sukarela yang menyokong pesakit paliatif melalui program pendampingan dan jangkauan masyarakat.

Encik Josef Tan Kai Heng, 19 tahun, turut diketengahkan apabila beliau membantu pekerja migran menguasai perisian digital sejak 2024.

Pelajar Kejuruteraan Komputer di Politeknik Singapura (SP) itu memulakan inisiatif tersebut atas kepercayaan bahawa pekerja migran wajar menerima peluang memperkasakan kemahiran masing-masing.

Encik Wong berkata:

“Kisah ini mungkin berbeza dari segi bentuknya, namun ia bersatu dalam semangat yang sama.

“Ia memperingatkan kita bahawa pembinaan negara bukan tugas segelintir individu atau satu generasi semata-mata.

“Ia adalah usaha bersama rakyat Singapura yang memilih, mengikut cara mereka sendiri, untuk tampil dan membawa perubahan,” tambahnya.

Lantas, semangat menyumbang kepada negara serta mengukuhkan jalinan masyarakat adalah antara tonggak dan prinsip bagi Belanjawan 2026.

“Hari ini, semangat tanggungjawab bersama ini lebih penting daripada sebelumnya.

“Kita tidak mampu untuk sekadar menjadi penonton.

“Kita mesti menjadi peserta aktif – menjaga satu sama lain, memperkukuh ikatan sosial kita dan menyumbang kepada Singapura yang menjadi milik kita semua,” kata Encik Wong.